



SEORANG anggota bomba membantu mengangkat barang penduduk di Kampung Semera, Sadong Jaya dekat Kuching semalam.

220 penduduk dipindahkan akibat bah kali kedua

KUCHING – Banjir kali kedua melanda Kampung Semera di Sadong Jaya dekat sini semalam menyebabkan seramai 220 orang daripada 68 keluarga dipindahkan selepas kediaman mereka dinaiki air.

Kesemua mangsa kini ditempatkan di tiga pusat pemindahan iaitu di Sekolah Kebangsaan Haji Kelali Sadong Jaya, Pusat Sumber Sadong Jaya dan Surau

Kampung Rimba Padi.

Penduduk yang terjejas mula dipindahkan sejak pukul 8 pagi apabila air naik melebihi 0.5 meter akibat limpahan air Sungai Sadong Jaya.

Ketua Zon Balai Bomba dan Penyelamat Kota Samarahan, Azman Julaihi berkata, hujan lebat selama beberapa jam sejak malam kelmarin menyebabkan kampung tersebut dinaiki air

dengan cepat.

“Pihak kami tidak sangka banjir berlaku sekali lagi kerana kawasan tersebut baru sahaja dilanda banjir beberapa minggu lalu,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Dalam kejadian banjir kali kedua itu, kebanyakan penduduk tidak sempat menyelamatkan barangan rumah mereka kerana paras air naik dengan pantas.